

Kosmo 21/10/2009



PASUKAN keselamatan mengusung mangsa gempa yang terselamat akibat gempa bumi di Padang, Sumatera semalam.

Angka korban cecah lebih 700 orang, 500 rumah musnah

Gempa paling dahsyat



PENDUDUK Padang, Sumatera meninjau harta benda yang musnah akibat gempa kelmarin.



PADANG, Sumatera - Pasukan penyelamat bertungkus-lumus mencari mangsa yang masih terperangkap di bawah runtuhan bangunan-bangunan di sini semalam selepas ribuan orang dikhuatiri terbunuh dalam gempa bumi kuat yang melanda Pulau Sumatera di Indonesia.

Gempa berukuran 7.6 pada skala Richter itu melanda bandar Padang yang mempunyai jumlah penduduk sebanyak 900,000 orang kelmarin dengan menyebabkan beratus-ratus bangunan termasuk 500 rumah runtuh manakala bekalan elektrik dan talian telefon terputus.

Keadaan di sini porak-peranda dengan mayat bergelimpangan manakala kebaratn berlatu di merata-rata tempat.

"Sebelum ini saya telah melalui beberapa gempa bumi tetapi ini yang paling dahsyat.

"Kesan darah dapat dilihat di merata-rata tempat, mangsa-mangsa pula kehilangan anggota badan. Kami melihat bangunan-bangunan runtuh, ramai orang nazak," kata seorang warga Amerika Syarikat, Greg Hunt, 38, di lapangan terbang di sini semalam.

Seorang pelancong Australia, Jane Liddon yang diwawancara sebuah stesen radio Australia sehari selepas gempa berlaku memberitahu, semua bangunan konkrit termasuk hospital, ho-



PASUKAN menyelamat mencari mangsa yang terperangkap di bawah runtuhan bangunan.

tel dan pasar raya turut ranap dan terbakar.

Seorang wartawan *Reuters* yang berada di lokasi Hospital Jamil yang ranap di sini pula berkata, terdapat sekurang-kurangnya 40 mayat bergelimpangan di tanah manakala ramai pesakit dipindahkan ke pekarangan hospital.

"Anak saya sudah meninggal. Anak saya sudah meninggal," kata seorang wanita di lokasi kejadian sambil memeluk mayat kanak-kanak itu.

Menteri Kesihatan, Siti Fadillah Supari memberitahu, jumlah korban dikhuatiri mencecah ribuan orang tetapi Kementerian Sosial memaklumkan angka korban rasmi setakat semalam ialah 770 orang dan hampir 2,400 cedera.

Sementara itu, beratus-ratus warga asing dan penduduk tempatan berkampung di sebuah lapangan terbang di Padang untuk meninggalkan bandar tersebut. - Agensi



MUSNAH... Bencana alam paling dahsyat dalam sejarah Padang, Sumatera Barat.



IMEJ daripada siaran televisyen menunjukkan orang ramai berlari menyelamatkan diri ketika gempa bumi melanda Padang kelmarin.